

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/2

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 5

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Semua orang boleh menjadi seorang penggubah lagu. Namun untuk menjadi seorang penggubah yang baik bukanlah satu perkara yang mudah. Kamu boleh kelihatan hebat pada mata sendiri tetapi bagi ramai pengarang yang (1) kenal, karya mereka hanya disifatkan sebagai satu kejayaan jika ia mempunyai nilai dari segi kewangan dan boleh dijadikan sumber (2) dapat harian.

Tidak kiralah sama ada seorang penulis, (3) main piano, atau pun askar - mereka tidak menjadi tokoh dalam bidang masing-masing dengan sekelip mata. Ia memerlukan banyak (4) latih dan ketekunan. Mereka perlu giat berlatih untuk melihat kemajuan dalam diri masing-masing dan yang penting sekali, mengelakkan sifat bermegah diri supaya tidak menjadi terlalu yakin diri.

Ada pelbagai cara untuk mendapatkan ilmu yang mencukupi untuk menggubah lagu. Antara lain, seorang penggubah boleh berkarya secara berpasangan atau berkumpul. Ini membolehkan mereka (5) cungkil idea sesama sendiri dan menghasilkan karya yang lebih menarik dan kreatif. Namun ketika berbuat demikian, haruslah kita berhati-hati supaya kita tidak secara tidak sengaja mencuri hak cipta orang lain kerana kita sendiri pasti tahu bahawa menulis itu bukan sesuatu yang muda.

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) takut titik lalu tumpah
- (B) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (C) jauhari juga yang mengenal manikam
- (D) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (E) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (F) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (G) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (H) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (I) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (J) berapa tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau jua

Pada tahun itu, Sekolah Menengah Pelangi bakal diketuai oleh pengetua sekolah yang baharu, Encik Karim. Pada mulanya, guru-guru dan para pelajar amat bimbang kerana dengan adanya pengetua sekolah yang baharu, cara sistem persekolahan mereka mungkin berubah umpama ____ (6) _____. Walaupun demikian, alangkah gembiranya mereka apabila sistem persekolahan mereka tetap dikekalkan. Menurut Encik Karim, sistem persekolahan yang dipraktikkan oleh sekolah mereka memang patut diteruskan. Tambahnya lagi, sesuatu perkara yang mulia itu patut kekalkan kerana ____ (7) _____. Encik Karim selalu mengingatkan guru-guru agar ____ (8) _____ kerana mereka patut sentiasa bersepakat dalam melaksanakan segala hal yang susah atau senang. Selain itu, para pelajar sentiasa digalakkan supaya mengisi masa sebaiknya sementara menanti suatu pekerjaan yang lain selesai ibarat pepatah ____ (9) _____. Sememangnya, Sekolah Menengah Pelangi beruntung kerana memiliki seorang pengetua yang bersabar ketika memberi galakan kepada para pelajar. Maklumlah, sebagai seorang pengetua sekolah, dia bijaksana dan mengenal keelokan ilmu laksana ____ (10) _____. Tentunya, Encik Karim ialah suatu aset kepada sekolahnya.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

antara	contoh	meskipun
bagaimanapun	menghentikan	supaya
bahawa	mengurangkan	

Dermawan yang juga pengasas gergasi teknologi Microsoft, Encik Bill Gates berkata jagaan kesihatan asas yang mantap boleh dicapai meskipun di wilayah paling miskin di Afrika. Ia berupaya mencegah masalah kesihatan yang mengancam nyawa tetapi mudah dirawat.

Menurut beliau, intervensi-intervensi seperti vaksin, proses melahirkan yang selamat bagi golongan ibu, dan ketersediaan antibiotik, merupakan _____ (11) _____ cara-cara mempertingkatkan keberkesanan rawatan kesihatan. Beliau menarik perhatian _____ (12) _____ meskipun usaha untuk mempertingkatkan mutu jagaan kesihatan di Afrika berhasil _____ (13) _____ kadar kematian bayi dan melanjutkan jangka hayat, angkanya tetap masih membimbangkan.

Encik Gates memuji Rwanda kerana berjaya menawarkan khidmat jagaan kesihatan di seluruh negara _____ (14) _____ disenaraikan antara negara termiskin di dunia. Menurut beliau, Rwanda boleh dijadikan sebuah _____ (15) _____ yang amat baik.

Yayasan yang diterajui Encik Gates telah melaburkan sekitar 15 bilion dolar untuk membantu Afrika sejak tahun 2000.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Ke manakah akan kamu pergi pada musim cuti ini?

**SERTA KAMI UNTUK
PENEROKAAN YANG UNIK
DAN MENARIK**

PROGRAM PERMUKIMAN @ PANTAI TIMUR

Mahu melupakan kesibukan bandar? Sertai Program Permukiman @ Pantai Timur dan nikmati keindahan alam semula jadi. Berehat sambil melakukan kegiatan tidak lasak seperti yoga dan meditasi. Bagi yang menggemari kegiatan lasak, kamu boleh berkhemah dan mendaki bukit yang berdekatan.

KERJA KEMASYARAKATAN @ iCITY

Mahu meluangkan masa melakukan kegiatan yang bermakna? Datanglah ke rumah perlindungan kanak-kanak iCity. Rumah ini menempatkan lebih 300 kanak-kanak yang berisiko dianiaya di rumah mereka. Lihatlah sendiri bagaimana kamu boleh membawa kerlangan dan keceriaan pada diri mereka.


JEJAK EKO @ PERKAMPUNGAN PANMUNJOM

Kamu seorang pencinta alam? Perkampungan Panmunjom menggunakan teknologi hijau untuk menjana kuasa elektrik bagi penggunaan aktiviti harian. Duta-duta alam sekitar di Perkampungan Panmunjom akan mengajar kamu cara-cara mengurangkan pengeluaran karbon dan pembaziran air.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Sesiapa yang suka akan alam semula jadi patut menyertai aktiviti di _____.
(A) iCITY sahaja
(B) iCITY dan Pantai Timur
(C) Perkampungan Panmunjom sahaja
(D) Pantai Timur dan Perkampungan Panmunjom ()
17. Semasa di Perkampungan Panmunjom, para peserta dapat _____.
(A) mempelajari cara menjimatkan air
(B) mempelajari cara mengeluarkan karbon
(C) menjana kuasa elektrik bagi aktiviti harian
(D) mempelajari cara menggunakan teknologi hijau ()
18. Semua pernyataan yang berikut adalah tepat **kecuali** _____.
(A) para penggemar aktiviti lasak patut menyertai Jejak Eco
(B) sesiapa yang ingin melakukan kerja amal patut ke iCITY
(C) para penggemar yoga patut menyertai Program Permukiman di Pantai Timur
(D) rumah perlindungan kanak-kanak iCITY menempatkan sekurang-kurangnya 300 kanak-kanak ()

Lebih 9,000 produk untuk rumah anda kini ditawarkan secara dalam talian.



Cari barang yang kamu perlukan

Apa saja yang kamu mahu, di mana saja kamu berada.

Mahu mencari sofa yang selesa? Atau barangkali sebuah tilam tambahan untuk tetamu? Atau meja makan yang lebih besar untuk menjamu seisi keluarga? Jangan risau, kami ada huraian untuk keperluan mana-mana ruang.

Pilih daripada 9,000+ produk dengan semudah sentuhan jari, dan jangan lupa untuk tekan butang "Beli Online" untuk memasukkan barangan pilihan anda ke dalam bakul.

CIK-KIAH

Bagaimana untuk membeli-belah di CIK-KIAH?



Semak keluar dan pilih khidmat yang kamu perlu

Isi bakul kamu sepenuhnya untuk memanfaatkan penghantaran percuma bagi pembelian melebihi \$500.

Kami juga menawarkan khidmat pemasangan produk jika kamu memerlukannya.



Barangan kamu sedang dihantar

Pihak kami akan sentiasa memberikan kamu kemas kini mengenai proses penghantaran barangan yang kamu tempah.

Kamu mungkin ingin memeriksa harga penghantaran serta kawasan-kawasan yang diliputi.

Untuk menjejak pakej penghantaran kamu, tekan sini.



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Penghantaran percuma disediakan jika _____.

- (A) bakul telah diisi sepenuhnya
- (B) khidmat pemasangan diambil
- (C) 9,000 produk dimasukkan ke dalam bakul
- (D) kos pembelian ialah sekurang-kurangnya \$500

()

20. Para pembeli **tidak** perlu risau kerana mereka boleh _____.

- (A) memantau proses penghantaran barangan yang ditempah
- (B) menjejak pakej penghantaran dengan menelefon CIK-KIAH
- (C) mendapatkan khidmat pemasangan produk secara percuma
- (D) mendapatkan penghantaran percuma pada bila-bila masa sahaja

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Bella melontarkan senyuman yang tipis ke arah Pak Ngah dan Mak Ngah sambil melangkah masuk ke rumah mereka dengan perlahan. Pak Ngah langsung menghulurkan tangan untuk mengangkat beg Bella sementara Mak Ngah memeluk Bella lalu mengiringinya ke bilik. Bella hanya mengangguk-anggukkan kepalanya dengan sopan. Ibu bapanya telah pergi ke luar negara dan akan berada di sana untuk hampir sebulan. Sementara itu, Mak Ngah telah menawarkan Bella 5
menumpang di rumah mereka. Pada awalnya, Bella agak keberatan kerana dia tidak begitu akrab dengan makciknyanya itu. Mereka hanya bertemu setahun sekali dan itu pun pada waktu Hari Raya. Sungguhpun demikian, ibu Bella telah memujuknya supaya tumpang di rumah Mak Ngah buat sementara waktu.

Mak Ngah membawa Bella ke sebuah bilik yang terletak di hujung lorong ke kamar. Wajah 10
Bella bertukar ceria di saat melihat bilik itu, yang dihiasi dengan watak-watak kartun kegemarannya.

"Ini dahulu bilik Kak Lydia semasa dia masih kecil. Tetapi memandangkan dia bekerja di luar negara sekarang, tiada sesiapa yang menggunakannya. Mak Ngah harap Bella suka," jelas Mak Ngah. Mata Bella **terpancar** ke arah Mak Ngah. Sambil menepuk tangan tanda gembira, Bella mengukir senyuman yang lebar lalu memberitahu Mak Ngah bahawa dia suka dengan bilik itu. Ia 15
malah lebih cantik daripada biliknya sendiri. Setelah bergolek-golek di atas katil, Bella terbaring di atas kain sutera yang amat lembut. Dia berguling-guling di atas sebelum meniarap menyabung kakinya. Bella kemudian berselubung di bawah selimut yang ditarik sehingga ke dagunya. Dalam hatinya - alangkah nyaman katil Kak Lydia. Pak Ngah membawa beg Bella ke bilik lalu menolongnya menggantung pakaian untuk ke pekan esok. Dia kemudian menunjukkan Bella kelengkapan 20
dandanan diri yang telah dia belikan. Bella tidak henti-henti mengucapkan terima kasih kepada pak cik dan mak ciknyanya.

Rumah Mak Ngah amat besar. Tetapi sayang sekali, mereka hanya duduk berdua. Kehadiran Bella amat **dialu-alukan** pasangan pertengahan usia itu yang sudah lama tidak merasakan perhatian daripada seorang anak. Keesokan harinya, Bella dikejutkan dengan haruman wafel yang amat 25
meliurkan. Mereka bersarapan bersama-sama sebelum bertolak ke pekan. Kata Mak Ngah, ini musim durian. Sebelum memasuki kawasan semak-samun, Mak Ngah menasihati Bella supaya memakai topi keselamatan kerana manalah tahu, ada durian yang jatuh pula nanti. Bella hanya mengikuti arahan kerana sebagai seorang budak bandar, inilah sajalah peluang baginya merasakan suasana alam semula jadi. 30

Lawatan Bella ke pekan Mak Ngah telah sedikit sebanyak mengubah tanggapan Bella tentang orang kampung. Sebelum ini, Bella bertanggapan bahawa orang kampung hidup susah dan perlu bersusah payah memanjat pokok dan menanam pokok dengan tangan sendiri untuk mencari **nafkah**. Tetapi selepas sejam di pekan itu, Bella mendapati bahawa pekan Mak Ngah amat moden dan 35
diuruskan oleh para pekerja dengan bantuan mesin-mesin canggih. Bella tidak nampak seorang pun yang perlu panjat pokok. Semuanya dapat dilakukan menggunakan mesin. Bella juga menyangka

bahawa orang kampung menggunakan bekas untuk menyiram pokok, rupa-rupanya, itu pun boleh dilakukan secara automatik menggunakan alat pemercik air.

Bella amat kagum dengan teknologi pertanian masa kini. Dia mempelajari pelbagai perkara sepanjang penginapannya di rumah Mak Ngah. Malah, hubungannya dengan Mak Ngah juga bertambah erat dan setiap musim cuti, Bella pasti tidak akan teragak-agak untuk melawat Mak Ngah. Bagi Pak Ngah dan Mak Ngah pula, Bella ibarat pengubat rindu kepada anaknya Lydia, yang terlalu sibuk sehingga jarang sekali menghubungi ibu bapanya untuk bertanyakan khabar. 40

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Apakah bukti bahawa Bella tidak ingin menumpang di rumah Mak Ngah dan Pak Ngah pada mulanya? (3 markah)

22. Mengapakah Bella harus menumpang di rumah Mak Ngah dan Pak Ngah? (3 markah)

23. Jelaskan perubahan perasaan Bella ketika tiba di rumah Mak Ngah dan Pak Ngah? (3 markah)

24. Apakah yang membuktikan bahawa Pak Ngah dan Mak Ngah telah melakukan yang terbaik mungkin untuk menyambut kedatangan Bella? (3 markah)

25. Tanggapan Bella tentang cara orang kampung mencari nafkah telah berubah disebabkan lawatannya ke pekan. Berikan **dua** bukti. (5 markah)

26. Kehadiran Bella di rumah Mak Ngah dan Pak Ngah memberi manfaat kepada mereka semua. Berikan **dua** bukti. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. akrab (baris 6) (2 markah)

28. terpancar (baris 14) (2 markah)

29. dialu-alukan (baris 24) (2 markah)

30. nafkah (baris 33) (2 markah)

SELESAI